

12 FEBRUARI 2018

Ketagihan dadah penyakit otak kronik

Ketagihan dadah penyakit otak kronik

KETAGIHAN dadah bukanlah perkara mudah untuk ditangani seperti menyelesaikan masalah disiplin pelajar di sekolah.

Menurut National Institutut of Drug Abuse (NIDA), ia bukan lagi sebahagian daripada gejala sosial tetapi merupakan sejenis penyakit otak yang kronik.

Pakar Psikiatri Penagihan Dadah, Unit Wisar, Jabatan Psikiatri Pusat Pengajian Sains Perubatan Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan, Dr. Mohd.



MOHD. AZHAR

Azhar Mohd. Yasin berpendapat, masalah ketagihan di negara ini bermula daripada pengaruh rakan sebaya.

"Sifat manusia baik pelajar mahupun dewasa mudah terpengaruh dengan perkara yang berlaku di persekitarannya.

"Kebanyakan penagih bermula dengan hanya mencuba apa yang diambil oleh rakan baik mereka. Memilih rakan penagih akan menjadikan anda juga seorang penagih tanpa disedari," katanya ketika dihubungi.

Pengedar dadah juga sedar sifat alami manusia dan menggunakan kelemahan sistem sedia dalam memberi rawatan kepada penagih menyebabkan isu ini sukar dibendung.

Misalnya, untuk menjual dadah kepada pelajar di sekolah, golongan pelajar akan direkrut untuk mempromosi dadah kepada rakan lain. "Jarang kita dengar remaja yang menagih mengambil dadah terus daripada pengedar.

"Begitu juga dengan selebriti mahupun orang kenamaan. Dadah akan diberi kepada orang yang dalam kelompok sama agar pasaran dapat sampai kepada golongan sasaran mereka," ujarnya.

Menurut Mohd. Azhar, kelemahan sistem sedia dalam memberi rawatan kepada penagih menyebabkan isu ini sukar dibendung.

Sekurang-kurangnya penagih menjalani rawatan di pusat serenti dua tahun dan diberi setahun pengawasan. Secara logik, mustahil untuk seorang penagih dadah tegar melupakan tabiatnya selepas dirawat selama tiga tahun.

"Sebab itulah rawatan yang sepatutnya mestilah mempunyai kesinambungan dan melibatkan masyarakat selepas mereka keluar dari pusat rawatan," jelasnya.